

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 July 2015

## Rusuhan di Plaza Low Yat tidak patut berlaku pada bulan Ramadan

UM - 15/7/2015

**ALOR SETAR 14 Julai** - Kejadian rusuhan di Plaza Low Yat, Kuala Lumpur Sabtu lalu yang berpunca daripada hal yang kecil sepatutnya tidak berlaku dalam bulan Ramadan ini.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, masalah tersebut sepatutnya perlu diselesaikan secara rundingan dan bukannya dengan membuat rusuhan sehingga menimbulkan kekecohan.

Beliau juga menyifatkan, rusuhan yang berlaku itu bukanlah pendekatan dimahukan Islam dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian.

"Walaupun berbeza agama, ada perasaan marah, cara penyelesaiannya bukanlah dengan merusuh.

"Kalau merusuh, negara akan

jadi tidak aman seterusnya menjadi tidak menarik kepada sesiapa termasuk penduduk tempatan dan orang asing untuk membangun negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Iftar Ramadan Sentuhan Kasih Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil Rakyat, Isteri Bekas Wakil Rakyat dan Wakil Rakyat Barisan Nasional Kedah (Bidara) 2015 di Seri Mentaloon sini malam ini.

Yang hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan isteri, Toh Puan Norzieta Zakaria merangkap Yang Dipertua



TUN MAHATHIR

Bidara serta isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir berkata, rakyat beragama Islam di negara ini perlu bijak dalam mengawal perasaan marah bagi mengelakkan berlakunya kekecohan jika terjadi sesuatu pertikaian.

"Puasa bukan hanya membendung nafsu makan tetapi juga nafsu-nafsu lain termasuk perasaan marah.

"Perasaan marah dan benci kepada pihak tertentu sehingga berlakunya rusuhan bukanlah cara orang Islam kerana Islam mementingkan keamanan," katanya.